

PENUBUHAN KUMPULAN KERJA BERSAMA DI ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK SINGAPURA DALAM BIDANG AGRIMAKANAN

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean, Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras Bagi Keselamatan Negara, Republik Singapura secara bersama mengumumkan pembentukan Kumpulan Kerja Bersama Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dalam bidang Agrimakanan. Pengumuman ini dibuat semasa dalam rangka kerja *7th Brunei-Singapore Young Leaders' Programme* di Negara Brunei Darussalam.
2. Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean, Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras Bagi Keselamatan Negara, Republik Singapura, menyatakan "Pembentukan Kumpulan Kerja Bersama Agrimakanan ini adalah satu titik tolak penting dalam hubungan dua hala istimewa antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Ianya akan memudahcara kolaborasi di antara sektor swasta dalam bidang agrimakanan bagi menarik pelaburan dan mewujudkan pekerjaan, terutamanya dalam bidang akuakultur. Ini adalah "win-win partnership" yang akan mengukuhkan lagi kerjasama dua hala dan mendatangkan faedah kepada perniagaan dan rakyat kedua-dua buah negara."
3. Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, juga menyambut baik inisiatif penubuhan Kumpulan Kerja Bersama Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura ini. Duli Yang Teramat Mulia percaya bahawa melalui Kumpulan Kerja Bersama ini nanti ianya akan memberikan peluang dalam mengukuhkan persahabatan dan kerjasama, yang mana pada peringkat awal ini akan ditumpukan kepada kerjasama dalam bidang industri akuakultur. Duli Yang Teramat Mulia juga mengambil maklum bahawa Kumpulan Kerja Bersama ini akan dipengerusikan bersama oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap dari Kementerian yang berkenaan di Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.
4. Terdapat pelengkap semulajadi antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dalam sektor agrimakanan. Negara Brunei Darussalam mempunyai tanah dan sumber asli yang banyak, sementara Singapura mempunyai eko-sistem penyelidikan, syarikat-syarikat teknologi pertanian dan logistik yang kukuh.
5. Kumpulan Kerja Bersama ini akan memudahcara kerjasama antara pihak awam dan swasta di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, seperti dalam bidang fasilitasi pelaburan, kerjasama Penyelidikan dan Pembangunan (Research & Development), jaminan kualiti dan pembinaan kapasiti.
6. Kumpulan Kerja Bersama ini akan dipengerusi bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak dan Setiausaha Tetap

(Pembangunan) Kementerian Perdagangan dan Industri Singapura, Yang Mulia Tuan Lee Chuan Teck.

7. Setiausaha-Setiausaha Tetap kedua-dua buah Negara akan melaporkan kemajuan kerja dan cadangan-cadangan Kumpulan Kerja Bersama kepada panel Menteri bersama. Panel ini terdiri dari Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, serta Menteri Perdagangan dan Industri Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing dan Menteri Kanan Negara bagi Perdagangan dan Industri dan Pendidikan, Tuan Yang Terutama Chee Hong Tat.

For media queries, please contact:

Janice Ong
Corporate Communications Officer, Corporate Communications Division
Ministry of Trade and Industry
Tel: 633 28613
Email: Janice_ONG@mti.gov.sg

Pg Mohd Fadly Harfinie bin Pg Hj Mohd Kassim
Senior Administrative Officer
Division of Policy and Planning
Ministry of Primary Resources and Tourism
Brunei Darussalam
Tel: 673 2382822
Email: fadly.kassim@mprt.gov.bn